

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : SEMINAR "REVOLUSI ILMU KE ARAH MENGEMBALIKAN MARTABAT UMAT"  
Lokasi : UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (SKUDAI)  
Tarikh : 18-12-1993

Sekalipun Islam menjadikan wahyu sebagai sumber ilmu ia tidak pula menolak akal. Wahyu, iaitu al-Quran, menyuruh manusia menggunakan akal dan fikiran untuk mengkaji alam semesta. Antaranya seperti yang disebut dalam ayat 17 surah al-Ghasyiah (88) yang bermaksud: "Tidakkah kamu melihat unta bagaimana ia dijadikan" Al-Quran menggesa manusia khususnya orang Islam supaya mengkaji alam semesta yang Tuhan ciptakan untuk kepentingan hidup manusia. Alam harus dijadikan objek kajian.

Sebagaimana disarankan oleh Rasulullah S.A.W dalam sebuah hadisnya yang bermaksud: "Berpikir lah kamu mengenai alam kejadian yang dijadikan Allah dan janganlah kamu memikirkan zat Allah".

Sebenarnya dalam pengalaman tradisi tamadun Islam, kajian empiris bukan sahaja khusus dalam bidang tabii tetapi juga menjangkau ilmu kemasyarakatan.

Imam Shafii, misalnya, telah melakukan kajian secara empiris. Iaitu dengan melakukan temuduga ke atas beberapa orang wanita Baghdad untuk mengetahui dan memastikan jangka masa haid yang paling singkat bagi wanita. Sesungguhnya secara tradisi kajian empiris bukannya asing bagi sarjana Islam. Hanya apabila umat Islam menjadi lemah dan mengalami zaman kemunduran sehingga membawa kepada kejatuhan tamadun Islam maka umat Islam kehilangan daya intelektual mereka.

Natijahnya kajian empiris menjadi asing bagi umat Islam.

Serentak dengan itu umat Islam tidak mampu untuk menjadi peneroka dan pengembang ilmu pengetahuan. Pengalaman pahit itu berlaku beberapa abad dalam sejarah Islam iaitu semenjak abad keenam Hijrah sehingga abad keempat belas Hijrah.

Manakala kesannya terus dirasai sehingga kini.

Ruang tingkap kurikulum pengajian formal Islam pada zaman kegemilangan kebudayaan Islam adalah amat luas dan meliputi semua bidang ilmu. Abu Yahya Zakaria telah melaporkan sebagaimana dikutip oleh Dr. Mehdi Nakusteen dalam bukunya: "History of The Islamic Origin of Western Education" ----- "The richness of the Islamic curriculum may be determined by its practical and useful consequences, reading to such ventures as calculating the angle of the ecliptic, measuring the size of the earth, calculating the procession of the equinoxes, inventing the pendulum clock, explaining in the field of optics and physics such phenomena as 'refraction of light, gravity, capillary attraction and twilight, using the globe in teaching geography of a round earth, developing observatories for the empirical study of heavenly bodies, making advances in the uses of drugs, herbs, and foods for medication, establishing hospitals with a system of interns and externs, improving upon the science of navigation, introducing new concepts of irrigation, fertilization, and soil cultivation, discovering causes of new diseases and developing correct diagnoses of them, proposing new concepts of hygiene, making use of anesthetics in surgery with newly innovated surgical tools, introducing the science of dissection in anatomy, furthering the scientific breeding of horses and cattle, and finding new ways of grafting to produce new types of flowers and fruits. In the area of chemistry the curriculum led to the discovery of such substances as potash, acid, and corrosive sublimate. It also developed to a high degree of perfection the arts of perfection the arts of textiles, ceramics, and metallurgy".

Kurikulum pengajian tersebut telah dilaksanakan di pusat-pusat pengajian tinggi di Sepanyol pada zaman kekuasaan Islam di Sepanyol dahulu selama lebih lapan ratus tahun.

Pada masa itulah berlakunya perkembangan tamadun Islam yang unggul.

Ternyata bahawa tamadun Islam diperingkat awal tidak memisahkan secara mutlak antara ilmu-ilmu syariah dengan ilmu-ilmu nakliyah iaitu ilmu sains tabii' dan sains kemasyarakatan seperti yang difahami

pada masa kini.

Ilmu pengetahuan adalah asas bagi tamadun umat. Tamadun sesuatu bangsa akan wujud dan berkembang maju apabila sesuatu bangsa itu berjaya menguasai ilmu pengetahuan.

Justeru itu ketika Adam dijadikan maka persediaan pertama yang diberikan oleh Allah ialah bekalan ilmu pengetahuan sebagaimana dijelaskan dalam ayat 31 dari Surah al Baqarah yang bermaksud: "Dan Allah telah mengajar Adam atau memberikan ilmu kepada Adam mengenai semua nama-nama benda".

Manakala wahyu pertama yang diturunkan Allah ke atas Nabi Muhammad S.A.W juga ialah mengenai membaca dan menulis yang merujuk kepada ilmu pengetahuan. Sebagaimana disebut dalam ayat pertama sampai ayat lima dari surah al-'Alaq.

Dua pengajaran dapat diambil dari nas-nas al-Quran yang tersebut:- Pertama: Sebelum menjalankan tugasnya sebagai khalifah Allah di muka bumi, Nabi Adam telah diberi persediaan ilmu pengetahuan. Oleh itu manusia yang mampu membina tamadun ialah manusia yang berilmu.

Kedua: Ilmu pengetahuan yang lengkap adalah syarat utama bagi sifat manusia yang memimpin. Justeru itu pemimpin harus terdiri daripada orang yang berilmu. Ilmu pengetahuan harus menjadi alat bagi mengeratkan hubungan manusia dengan Tuhannya.

Ilmu pengetahuan bukanlah menjadi milik sesuatu bangsa dan hanya tertakluk di bawah perbendaharaan sesuatu zaman tetapi ia boleh dicapai dan difahami pada sebarang ketika dan tempat oleh setiap orang yang berusaha mempelajari dan mengkajinya. Ilmu adalah sesuatu yang hidup dan harus sentiasa dicari melalui proses kaji selidik dengan menggunakan daya akal yang telah dibekalkan oleh Tuhan ke atas manusia.

Sejarah tamadun Islam menunjukkan bahawa sifat Islam adalah sangat responsif terhadap perubahan zaman di samping mengekalkan dasar pokok Islam. Para pemimpin dan sarjana Islam di zaman keagungan Islam dahulu mempunyai pandangan yang bersifat "futuristic". Hal ini dapat dirujuk kepada saranan khalifah Umar bin al-Khattab. Beliau telah menganjurkan ibubapa yang bertanggungjawab terhadap pengajian anak-anak mereka supaya mengajar anak-anak mereka dengan ilmu pengetahuan yang secocok dengan keperluan zaman anak-anak itu. Iaitu zaman akan datang bagi anak-anak itu.

Kerana anak-anak itu akan dewasa di zaman yang berbeza dengan keadaan masa ibubapa mereka. Di sini amat jelas sekali bahawa khalifah Umar bin al-Khattab memahami benar-benar sifat dan tabiat ilmu pengetahuan yang dinamik, yang sentiasa berkembang sesuai dengan usaha manusia dan juga sifat masyarakat yang berubah dan berkembang. Kesedaran dan pemahaman yang sedemikian itu yang akhirnya berjaya membangun tamadun Islam yang unggul. Mereka sedar bahawa masyarakat manusia akan terus berubah dan berkembang maju.

Dan kemajuan itu bergantung kepada pencapaian ilmu setiap individu yang menjadi anggota masyarakat atau sesuatu bangsa itu. Kerana itulah Umar bin al-Khattab sangat prihatin terhadap kepentingan ilmu dan perancangan pembelajaran dan pendidikan umat.

Umat Islam kini jauh tertinggal kerana mereka mengabaikan sunnah alam yang menentukan bahawa alam hanya boleh dikuasai dengan ilmu. Orang-orang barat maju kerana mereka mematuhi sunnah alam. Barat di dalam beberapa abad berjaya menguasai dunia Islam kerana kekuatan ilmu yang mereka capai. Demikian juga halnya dengan umat Islam dahulu, umat Islam dahulu berjaya membina tamadun dan menguasai dunia pada masa itu kerana mereka berjaya menguasai ilmu pengetahuan.

Oleh kerana keadaan dunia Islam kini pada umumnya belum berjaya membangun dan memajukan negara, maka ia masih bergantung kepada orang lain. Kemunduran umat Islam dan negara-negara Islam di dunia pada masa ini sedang menjadi realiti. Keadaan ini tidak akan dapat diperbaiki, kecuali dengan usaha dan kerja keras serta membina kesedaran secara terus menerus. Kepimpinan yang dinamik amat diperlukan dalam usaha memaju dan membina negara.

Pemimpin sebenar ialah pemimpin yang mempunyai visi unggul dan mampu memimpin umat ke arah kemajuan.

Kejayaan Malaysia yang menonjol di dekad terakhir abad kedua puluh kini ialah disebabkan oleh kewibawaan pemimpin negara yang dinamik dan berwawasan unggul disokong dengan kecekapan golongan teknokrat pentadbiran negara Malaysia.

Kesinambungan keunggulan itu wajib dipertahankan dalam usaha menuju matlamat Wawasan 2020. Malaysia memerlukan deretan pemimpin yang berwibawa. Iaitu pemimpin yang mampu memajukan ilmu pengetahuan dan menjadikan ilmu teras budaya negara. Di dalam usaha memaju dan membangunkan negara, umat Islam harus mampu menguasai ilmu pengetahuan dalam semua bidang di samping terus berpegang teguh dengan ajaran agamanya. Malaysia tidak perlu banyak dalih dan kerenah.

Wawasan 2020 Malaysia adalah jelas. Iaitu membangun negara maju yang bermoral dan berbudi luhur dan kuat pegangan agamanya. Oleh itu yang penting ialah berusaha dan bekerja keras secara terus menerus untuk mencapai matlamat tersebut.

Hanya pemimpin yang berusaha ke arah pembinaan budaya kerja dan budaya ilmu yang mampu memimpin Malaysia ke matlamat 2020. Pemimpin harus mampu membuktikan dirinya sebagai pencinta ilmu pengetahuan. Manakala rakyat harus sama- sama bertanggungjawab untuk berusaha dan bekerja keras untuk mencapai kejayaan. Umat Islam kini amat memerlukan penguasaan ilmu pengetahuan, di samping bekerja keras.

Bangsa Jepun berjaya maju dan setaraf dengan barat kerana mereka berjaya menguasai ilmu pengetahuan. Umat Islam dahulu berjaya kerana mereka menghayati secara terus menerus ajaran Islam tentang alam. Al-Quran menyuruh supaya daya akal yang telah dibekalkan Tuhan kepada setiap manusia digunakan semaksimum mungkin. Al-Quran: (2):219, (3):191, (4):82, (6):50, (23):80, (47):24, (57):17 Golongan cendekiawan harus terus menerus menjalankan kajiselidik secara imperis sehingga mampu menjadi pemegang obor ilmu dan memperkembangkannya.